

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 10 JUN 2013 (SELASA)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama syarikat perunding yang telah dilantik dan kos perundingan yang dibayar untuk mengkaji dan merancang projek *Bus Rapid Transit* (BRT) yang dilaporkan dalam laporan ETP 2013. Bilakah laporan feasibiliti akan diumumkan kepada orang ramai dan apakah sasaran bilangan penumpang setelah BRT siap dibina.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek *Bus Rapid Transit* (BRT) merupakan salah satu inisiatif di dalam Pelan Transformasi Kerajaan bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Penambahbaikan Sistem Pengangkutan Awam Bandar.
2. Kajian kebolehlaksanaan (*feasibiliti study*) projek BRT telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat bagi kawasan *Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang (Greater KL)*. Kajian kebolehlaksanaan BRT ini telah dilaksanakan oleh perunding Halcrow Consultants Sdn. Bhd. Untuk makluman, Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat untuk Kawasan *Greater KL* ini telah dipaparkan secara umum di portal web Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sejak 16 Oktober 2013 yang lalu.
3. Melalui kajian kebolehlaksanaan tersebut, sebanyak dua belas (12) jajaran BRT telah dikenalpasti di dalam kawasan *Greater KL*, manakala jajaran Kuala Lumpur-Klang telah dipilih sebagai koridor perintis bagi projek BRT tersebut
4. Pada tahun 2012, Kajian Impak Lalulintas dan Kajian Awal Rekabentuk Konsep telah dijalankan untuk projek perintis BRT tersebut. Kajian ini telah dijalankan oleh syarikat perunding tempatan iaitu Urusbudi Transplan Sdn. Bhd. melalui usaha sama dengan

badan antarabangsa yang berpengalaman dalam pelaksanaan dan penilaian BRT iaitu *Institute Transportation and Development Policy* (ITDP). Urusbudi Transplan Sdn. Bhd. telah dilantik melalui perolehan tender terbuka dengan kos berjumlah RM2.1 juta manakala kajian Pra-Kejuruteraan projek BRT Kuala Lumpur-Klang dijalankan oleh syarikat perunding tempatan iaitu UR Ekacipta Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM1.59 juta.

5. Projek BRT laluan Kuala Lumpur-Klang telah mensasarkan bilangan penumpang sebanyak 400,000 penumpang sehari sebaik sahaja ia beroperasi pada akhir tahun 2016 dengan kapasitinya dijangka mampu mencapai sehingga 600,000 penumpang sehari.

Sekian, terima kasih.